

UNIT 6 : KITAR SEMULA

6.1 : Projek kitar semula di sekolah

Objektif: Murid dapat susun semula langkah-langkah projek kitar semula mengikut turutan.

Projek Kitar Semula

Tujuan: Mengumpul kertas kitar semula untuk dijual dan juga memupuk sifat keusahawanan dalam kalangan murid.

Langkah-langkah:

- 1 Kertas yang boleh dikitar semula dikumpulkan dari kawasan sekolah.
- 2 Kertas diasingkan mengikut jenis kertas.
- 3 Kertas diikat dengan kemas mengikut jenis kertas.
- 4 Murid menimbang berat kertas yang berjaya dikumpulkan.
- 5 Murid menjualnya kepada pengumpul kertas kitar semula.
- 6 Duit hasil jualan dimasukkan ke dalam tabung kelas.

MENCIPTA

Bagaimanakah kertas yang dikitar semula boleh memberikan sumber pendapatan kepada masyarakat?



Latihan :

Tuliskan nombor pada langkah-langkah projek kitar semula mengikut turutan.

	Kertas diikat dengan kemas mengikut jenis kertas.
	Murid menjualnya kepada pengumpul kertas kitar semula.
	Kertas yang boleh dikitar semula dikumpulkan dari kawasan sekolah.
	Duit hasil jualan dimasukkan ke dalam tabung kelas.
	Kertas diasingkan mengikut jenis kertas.
	Murid menimbang berat kertas yang berjaya dikumpulkan.